Dari segi Ilmu Jiwa

Agama dan Kesannya Di dalam Jiwa Manusia

(Oleh Abdullah Basmeh)

Apabila kita kupas akan punca yang menyebabkan kesusahan seorang manusia dan segala resah gelisahnya serta porak-peranda susunan hidupnya, maka kita akan dapati adalah berasal dari kerana jahilnya terhadap Tuhannya dan jahilnya terhadap dirinya sendiri atau lebih tegasnya kerana lemah imannya.

Biasanya manusia sentiasa diruntun oleh hawa nafsu dan kerana desakan ini ia akan berkedudukan serba salah di antara menyahut seruan hawa nafsu dan kelemahannya pada ketika hendak menghasilkan apa yang dituntut oleh hawa nafsu itu. Dari sini timbullah perasaan resah gelisah – serba dibuatnya serba tak kena.

Tetapi sekiranya ia telah mengetahui bahawa ia ada mempunyai Tuhan yang Maha Kuasa yang telah mengaturkan alam ini, dan yang telah menyusun baginya undang-undang yang tidak boleh ditukar-ganti, kemudian ia cuba mempelajari akan undang-undang tersebut, nescaya ia akan dengan mudahnya akan mencapai kehidupan yang penuh dengan bahagia dan sejahtera.

Sungguh besar kesan agama di dalam membentuk jiwa manusia. Agama Islam telah mengangkat pemeluk-pemeluknya ke setinggi-tinggi mercu kemuliaan tatkala mereka mempelajarinya dan beramal dengannya. Pada zaman yang lampau, tatkala umat-umat Islam telah bersungguh-sungguh menjalankan perintah agama maka dapatlah mereka memerintah dunia ini dan meleburkan beberapa kerajaan yang besar yang hendak menghalang kemaraannya. Tidaklah mereka dapat mencapai kedudukan yang tersebut jika tidaklah kerana kuat iman mereka terhadap

---

(sambungan daripada muka 3)

yang besar di dalam lingkungan masyarakat, dalam lingkungan fikiran dan dalam lingkungan siasah dan di dalam perjalanan kita menempuh gelora perubahan-perubahan itu maka adalah kita berkehendak kepada panduan-panduan dan pimpinan yang baik. Jikalau baik panduan-panduan dan pimpinan-pimpinan itu, maka akan baiklah perubahan-perubahan itu- berfaedah, berguna dan memberi kebajikan kepada kita. Pada jurusan ini "Qalam" adalah akan menjadi daripada perkakas atau alat panduan dan pimpinan yang membawa kepada kebaikan dan kebajikan kita bersama iaitu kebaikan dan kebajikan dunia dan akhirat.

Kita dengan berterus-terang mengaku bahawa kita sendiri belum berpuas hati dengan penerbitan kita ini terutamanya oleh kerana kita menyusunnya di dalam bulan Ramadhan yang tiap-tiap pembaca tentu maklum bagaimana kepayahan-kepayahan yang kita harap bagi menyempurnakannya. Oleh itu insya-Allah di dalam keluaran yang akan datang kita berusaha bersungguh-sungguh membaguskan lagi keadaan dan kandungan majalah kita yang dengan diharap kelak akan memuaskan pembaca-pembaca.

Kita berharap mudah-mudahanan usaha kita menerbitkan "Qalam" ini akan disambut dan akan disokong oleh pembaca-pembaca *al-muhtarimin* dan sebagai penutup "Qalam" dan kakitangannya mengucapkan Selamat Berhari Raya Aidilfitri – *Min `al-aḋīn Al-fāidzīn al-Maqbūlīn – Kullū ʿam wā antum bikhair* kepada pembaca-pembacanya semua kaum Muslimin alam Melayu khasnya dan dunia amnya.

Allahuakhbar, Allahuakhbar, Allahuakhbar – Allahuakhbar walillah ilhamd.

Tuhan pencipta alam dan penuh keyakinan kepadanya.

Pada satu masa salah seorang telah datang mendapatkan Rasullullah (SAW) dengan tujuan hendak masuk Islam dan belajar Quran. Rasullullah pun menyuruh seorang sahabatnya mengajar akan dia. Setelah belajar Fatihah ia pun telah diajarkan surah "*Al-Zalzāl*" maka sebaik-baik sahaja ia tiba kepada ayat yang mafhumnya:

"Maka barangsiapa beramal setimbang zarah daripada amal kebajikan nescaya dapat ia melihatnya dan barangsiapa beramal setimbang zarah daripada amal kejahatan nescaya dapat ia melihatnya". Sampai di sini ia pun berhenti tak mahu belajar lagi kerana katanya sudah cukup. Sahabat Rasullullah pun mengadukan hal itu kepada baginda. Setelah didengar pengaduan itu, baginda bersabda:

"Atraqūh faqad tafaquh fi`ddīn"

"Tinggalkanlah, sesungguhnya dia telah "dalam" ilmu agamanya.

Bolehkah dia dengan hanya mengetahui dua surah yang jumlah ayatnya tidak lebih daripada lima belas ayat dikatakan telah dalam ilmu agamanya?

Sebenarnya ilmunya yang *safliah* itu telah dibilangkan tinggi iaitu dipandang daripada azamnya hendak beramal dengannya, dan hendak bercermat mengira tiap-tiap gerak langkahnya serta kerana azamnya inilah pada suatu masa ia lebih gemar mendalamkan ilmunya yang sedikit itu kepada sebanyak-banyaknya.

Demikianlah halnya orang-orang Islam pada zaman dahulu, belajar agama kerana hendak beramal bukan kerana memperniagakan ilmunya seperti hal kebanyakan kita pada hari ini.

Satu bandingan daripada caranya orang-orang Islam kita pada masa lampau yang mempelajari agama dan mengamalkan ilmunya: Seorang ulama yang terbesar bernama Shaqiq al-Balaghī telah menyiasat ilmu seorang muridnya yang bernama Hātim al-Asim dengan katanya:

Berapa lama engkau telah berdamping dengan aku?

Tiga puluh tiga tahun. Jawab muridnya.

Sekian lamanya engkau telah menuntut, apa bendanya yang engkau dapati?

..delapan masalah"

"*Innā`lillah wa innā ilaihi raji'ūn*, habis umurku bersama-sama mu padahal yang engkau pelajari hanya delapan masalah sahaja?"

"Demi sesungguhnya inilah sahaja wahai tuan. Delapan masalah tidak lebih dan tidak kurang" jawab muridnya lagi.

"Cuba sebutkan supaya kudengar."

Sambil membetulkan duduknya maka Hatim pun berkata:

Pertama - Saya telah perhati akan segala makhluk, saya dapati masing-masing tidak lepas dan tidak berenggang daripada apa yang ia cintai tetapi apabila sahaja tiba ke liang kubur maka tinggallah benda ataupun orang yang dicintai itu. Oleh itu saya telah memilih "amal yang baik" menjadi kekasih yang saya sanjung tinggi dan yang sudah barang tentu tidak saya akan bercerai dengannya hatta ke lubang kubur sekalipun! Maka disambut oleh gurunya dengan katanya: "Pandai sungguh engkau memilih!"

Kedua - Saya telah fahamkan dengan sedalam-dalamnya akan firman Tuhan yang maksudnya: "Dan barangsiapa yang takut akan maqam Tuhannya (menjunjung perintah-Nya) dan menahan dirinya daripada dorongan hawa nafsu maka bahawasanya syurgalah balasannya". Saya pun mengetahui bahawa firman Tuhan itulah yang benar, dan kerana itu saya telah bersungguh-sungguh memerangi akan hawa nafsu sehinggalah saya berjaya menjadikan diri saya seorang yang amat taat kepada Allah Tuhan yang Esa.

Ketiga – Kebanyakan anak-anak Adam gemar bermegah-megah dengan tiga perkara. Ada yang dengan harta, yang ada dengan pangkat kebesaran, dan yang lainnya dengan nasab keturunan. Setelah saya selidiki, saya dapati ketiga-ketiganya tidak ada berharga sama sekali. Saya selidiki akan firman Tuhan yang madmunnya: "Bahawasanya orang yang mulia pada sisi Allah Taala ialah orang yang taqwa" saya pun beramal bersungguh-sungguh dengan taqwa supaya saya menjadi mulia di dalam erti kata yang sebenarnya!

Keempat - Saya siasati hal ehwal kebanyakan manusia, saya dapati masing-masing bermati-mati menyimpan apa jua harta benda yang berharga, tetapi manakala saya menungkan firman Tuhan yang mafhumnya: "Apa jua harta benda yang kamu menyimpannya (dengan secara kedekut) akan punah-ranah, dan barang yang tersimpan di sisi Allah (sudah tetap) akan kekal selama-lamanya!" Oleh yang demikian maka bila-bila masa sahaja saya akan mendapat harta benda dan apa jua yang berharga, maka terus saya membelanjakan dia kerana Allah Taala supaya tersimpan di sisi-Nya dengan selamatnya!.

Kelima – Telah menjadi biasa kebanyakan manusia gemar bersenggit-senggit hati dan cerca-mencercai di antara mereka sesama sendiri sedangkan hal ini terbitnya ialah kerana hasad dengki. Saya pun mencari ubat penawarnya di dalam kitab Allah dan sudah barang tentu saya telah jumpai firman-Nya yang bermaksud: "Kami telah bahagi di antara mereka akan rezeki (sara hidup) di dalam kehidupan dunia ini". Semenjak itu saya melontarkan jauh akan perasaan hasad dengki dan saya telah menaruh sepenuh-penuh yakin bahawa rezeki itu sudah tetap kurnia Allah!

Keenam – Kebanyakan manusia gemar berseteru-seteru dan berbunuh-bunuhanan di antara mereka sesama mereka kerana satu desakan yang berupa tamak atau sebagainya. Setelah saya kaji hal ini dari segala seginya maka saya dapati karut semata-mata saya pun mencari siapa dia seteru yang sebenar-benarnya. Akhirnya saya terkenang pada firman Tuhan yang madmunnya: "Bahawasanya syaitan bagi kamu ialah seteru, maka jadikanlah dia seteru (yang sebenar-benarnya) Semenjak itu saya tidak berseteru kepada sesiapa melainkan iblis semata-mata!

Ketujuh – Kebanyakan kita manusia disebabkan sara perut terpaksa menghinakan diri dan menempuh jalan yang tidak halal baginya, tetapi setelah saya selidiki saya dapati Tuhan telah menjelaskan kesulitan hal ini dengan firman-Nya yang bermaksud: "Tidak ada daripada binatang-binatang (yang melata dan sebagainya) melainkan kepada Tuhanlah rezekinya". Semenjak itu saya amat yakin bahawa rezeki saya telah dijamin oleh Allah Taala dan kerana itulah saya telah bersungguh-sungguh menunaikan kewajipan saya dan saya tinggalkan balasannya pada sisi Allah pencipta seluruh alam. Inilah yang dinamakan "*Al-fanā fī adā`il wājib*" – Fana segala perasaan yang berupa mementingkan muslihat diri pada ketika menunaikan kewajipan!

Kedelapan – Saya perhati sekeliling kebanyakan hal manusia, masing-masing bertawakal (berserah tunggang) kepada makhluk semata-mata – yang ini berserah kepada kebunnya, yang itu kepada perniagaannya atau apa pekerjaannya, dan yang lain pula kepada kebolehan, kekuatan atau kesihatan bendanya. Sedangkan kejadian yang demikian ini salah semata-mata, tidakkah Tuhan berfirman yang mafhumnya:

"Dan barangsiapa bertawakal kepada Allah, maka Allah Taala itulah sebaik-baik tempat bertawakal dan tunggal yang boleh menolongnya."

Oleh itu, semenjak itu saya tidak bertawakal atau pun berserah melainkan kepada Allah Rabb al-'Alamīn.

Dengan wajah yang berseri-seri maka Syafiq Al-Balaghi telah berkata kepada muridnya Hātim al-Asim:

"Tuhan telah memberi taufiq dan hidayah kepadamu. Saya telah menyelidiki ilmu-ilmu yang terkandung di dalam kitab-kitab suci yang empat – Taurat, Injil, Zabur dan Furqan (Al-Quran) maka saya dapati bahawa segala jenis amal kebajikan dan seraya atau pati segala agama Allah di dunia ini adalah kesemuanya terhimpun di dalam masalah-masalah yang delapan ini. Berpeganglah dengan kukuh kepadanya – diberkati Allah akanmu!

Demikianlah halnya orang-orang Islam kita pada zaman dahulu mempelajari dan mengerjakan suruhan agamanya. Maka tidaklah pelik kalau mereka mencapai setinggi-tinggi kemajuan dan telah menempuh zaman yang gilang-gemilang!